



**NOTIS SEBUT HARGA**  
**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JB/22/2024

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA – KERJA PEMBAIKAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL SERTA MENAIK TARAF KOLAM RENANG DEWASA KOMPLEKS KEJIRANAN PRESINT 9 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di dalam Gred G3: Kategori ME Pengkhususan M20 (Penyenggaraan Am Mekanikal) atau Kategori ME Pengkhususan M22 (Sistem Pam) dan Pengkhususan E11 (Kerja Am Elektrik) dan masih dibenarkan untuk menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **23 APRIL 2024 (SELASA), JAM 10.00 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Aras C5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil PPK, SPKK dan STB** berserta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **23 APRIL 2024 (SELASA)** hingga **26 APRIL 2024 (JUMAAT)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja dengan bayaran secara tunai berjumlah **RM50.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK, SPKK dan STB** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **30 APRIL 2024 (SELASA)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppi.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

  
(Ir MARZUKI ABDULLAH)

Naib Presiden  
Jabatan Kejuruteraan Dan Penyelenggaraan  
Perbadanan Putrajaya